

BAB EMPAT

KEPUTUSAN

4.0 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauh mana keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM. Soalselidik telah digunakan sebagai instrumen untuk pengumpulan data bagi sampel guru dan sampel pelajar. Satu set soalselidik untuk sampel guru iaitu soal selidik guru (lampiran VI) telah ditadbir kepada sampel guru. Bagi sampel pelajar pula satu set soal selidik pelajar (lampiran VII) telah ditadbir ke atas pelajar secara berasingan. Tinjauan melalui penggunaan soalselidik ini telah dikendalikan di tiga buah MRSM Zon Utara dan sebuah MRSM zon Timur pada bulan Januari 2002.

Kajian telah dijalankan ke atas semua sampel GPP dan 120orang sampel pelajar PUM tingkatan empat yang menyertai PUM di empat buah MRSM tersebut pada tahun 2001. GPP yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 11 orang dan pelajar yang terlibat pula adalah seramai 120 orang. Segala maklum balas yang diperolehi daripada soalselidik telah dikodkan dan dilakukan pengimbasan untuk memastikan tiada sebarang kemungkinan kesilapan sebelum data dimasukkan ke dalam komputer. Walau bagaimanapun tiada sebarang maklum balas daripada guru dan pelajar yang ditolak.

4.1 Sampel Kajian

Secara amnya, huraian profil sampel kajian dibahagikan mengikut sampel guru dan sampel pelajar. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 11 orang GPP yang

membimbing PUM pada tahun 2001 di empat buah MRSM dan 120 orang pelajar tingkatan empat yang terlibat dalam PUM tahun 2001 di MRSM berkenaan. Taburan sampel GPP mengikut MRSM adalah seperti di jadual 4.1. Manakala taburan sampel pelajar mengikut MRSM adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.1 berikut :

Jadual 4.1
Taburan sampel guru mengikut MRSM

Bil	MRSM	Lelaki	%	Wanita	%	Jumlah	%
1	Langkawi, Kedah	2	18.2	2	18.2	4	36.4
2	Beseri, Perlis	1	9.1	1	9.1	2	18.2
3	Taiping, Perak	2	18.2	1	9.1	3	27.3
4	YT Besut, Terengganu	1	9.1	1	9.1	2	18.2
	Jumlah	5	45.5	6	54.5	11	100.0

Jadual 4.2
Taburan sampel pelajar mengikut MRSM

Bil	MRSM	Lelaki	%	Wanita	%	Jumlah	%
1	Langkawi, Kedah	13	10.8	17	14.2	30	25.0
2	Beseri, Perlis	15	12.5	15	12.5	30	25.0
3	Taiping, Perak	9	7.5	21	17.5	30	25.0
4	YT Besut, Terengganu	10	8.3	20	16.7	30	25.0
	Jumlah	47	39.1	73	60.9	120	100.0

Sampel Guru

Taburan sampel kajian dikalangan GPP mengikut bidang pengajaran mereka di MRSM adalah seperti dalam jadual 4.3. Sampel guru terdiri daripada 36.4 % (4) guru yang mengajar subjek bidang sains dan 63.6 % (7) guru yang mengajar subjek bidang Sains Sosial

Jadual 4.3
Taburan sampel guru mengikut bidang pengajaran di MRSM (n = 11)

Bidang Pengajaran	Bilangan	Peratus (%)
Sains	4	36.4
Sains Sosial	7	63.6
Jumlah	11	100.0

Tinjauan dari segi pengalaman mengajar para GPP memperlihatkan bahawa kebanyakan GPP di MRSM mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun. Pengalaman mengajar bagi seseorang guru adalah sangat penting dalam menentukan kebolehan seseorang guru tersebut menyampaikan sesuatu perkara baru dengan berkesan kepada pelajarinya. Jadual 4.4 menunjukkan sebanyak 45.5% (5) GPP di MRSM mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun, 36.4 % (4) guru mempunyai pengalaman mengajar antara 2 hingga 5 tahun dan hanya 18.2 % (2) guru sahaja yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 2 tahun

Jadual 4.4
Taburan sampel guru mengikut tempoh pengalaman mengajar (n = 11)

Tempoh Pengalaman Mengajar	Bilangan	Peratus (%)
Kurang dari 2 tahun	2	18.2
Antara 2 hingga 5 tahun	4	36.4
Lebih daripada 5 tahun	5	45.5
Jumlah	11	100.0

Seterusnya tinjauan dari segi jumlah waktu mengajar dalam seminggu akan menentukan sejauh mana seseorang guru tersebut mempunyai masa yang mencukupi bagi diperuntukkan kepada pembimbingan aktiviti PUM. Piawai bilangan waktu mengajar bagi seseorang guru MRSM ialah mereka perlu mengajar subjek akademik antara 20 hingga 25 waktu seminggu. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan taburan waktu mengajar subjek akademik GPP di MRSM yang terlibat dengan kajian.

Jadual 4.5
Taburan sampel guru mengikut jumlah waktu mengajar seminggu (n = 11)

Jumlah waktu mengajar	Bilangan	Peratus (%)
Kurang daripada 15 waktu	1	9.1
15 hingga 20 waktu	3	27.3
21 hingga 25 waktu	6	54.5
26 hingga 30 waktu	1	9.1
Jumlah	11	100.0

Berdasarkan taburan jumlah waktu mengajar seminggu bagi sampel guru di atas didapati lebih ramai GPP di MRSB mempunyai jumlah waktu mengajar piawai seminggu iaitu 54.6 % (6) mempunyai jumlah waktu antara 21 hingga 25 waktu mengajar seminggu dan 36.4 % (4) GPP mempunyai jumlah waktu mengajar kurang daripada 21 waktu seminggu. Manakala 9.1% (1) guru mempunyai waktu mengajar melebihi 25 waktu seminggu.

Sampel Pelajar

Profil sampel kajian di kalangan pelajar pula akan dibincangkan dari segi gender, lokasi MRSB di mana mereka sedang belajar, aliran pengajian di MRSB (terdapat 3 aliran pengajian di MRSB iaitu aliran sains tulen, aliran sains gunaan dan aliran agama) dan kelayakan masuk semasa mereka mendaftar sebagai pelajar MRSB dan pencapaian akademik pelajar PUM dalam semester pertama dan semester kedua (semasa mereka sedang menyertai aktiviti PUM). Jadual 4.6 di bawah menunjukkan bahawa pelajar yang menjadi sampel kajian terdiri daripada 39.1 % (47) lelaki dan 60.9 % (73) adalah perempuan.

Jadual 4.6
Taburan sampel pelajar mengikut gender (n = 120)

Gender	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	47	39.1
Perempuan	73	60.9
Jumlah	120	100.0

Seterusnya tinjauan dibuat ke atas lokasi MRSM di mana pelajar sedang belajar. Lokasi MRSM dikelaskan kepada dua kategori iaitu di luar bandar dan berhampiran dengan bandar. Dua buah MRSM yang menjadi lokasi kajian di kategorikan sebagai MRSM luar bandar ialah MRSM – YT, Besut, Terengganu dan MRSM Beseri, Perlis. Sementara dua buah MRSM lagi dikategorikan sebagai MRSM berhampiran dengan bandar iaitu MRSM Langkawi, Kedah dan MRSM Taiping, Perak. Berdasarkan kategori yang dinyatakan tersebut maka seramai 60 sampel pelajar adalah terdiri dari pelajar luar bandar iaitu 30 orang pelajar MRSM YT, Besut dan 30 orang pelajar MRSM Beseri, Perlis. Manakala selebihnya dikategorikan sebagai pelajar bandar iaitu seramai 60 orang yang terdiri daripada 30 orang pelajar MRSM Langkawi, Kedah dan 30 orang pelajar dari MRSM Taiping, Perak. Taburan sampel pelajar berdasarkan lokasi MRSM di mana mereka sedang belajar adalah seperti di jadual 4.7

Taburan sampel pelajar mengikut aliran pengajian mereka di MRSM dipaparkan dalam jadual 4.8. Berdasarkan jadual taburan sampel pelajar mengikut aliran pengajian di MRSM, didapati sebanyak 85.8 % (103) pelajar adalah dari

Jadual 4.7
Taburan sampel pelajar mengikut lokasi MRSM dimana mereka sedang belajar
(n = 120)

Lokasi MRSM	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
Berhampiran Bandar	60	50.0
Luar Bandar	60	50.0
Jumlah	120	100.0

Jadual 4.8
Taburan sampel pelajar mengikut aliran pengajian yang mereka ikuti di MRSM
(n = 120)

Aliran Pengajian	Bilangan	Peratus (%)
Sains Tulen	103	85.8
Sains Gunaan	17	14.2
Jumlah	120	100.0

Aliran pengajian Sains Tulen dan 14.2 % (17) pelajar aliran Sains Gunaan dan tiada pelajar dari aliran Agama. Aliran Sains Tulen bermaksud pelajar berkenaan mengambil semua subjek teras Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan mengambil ketiga-tiga subjek elektif Fizik, Kimia dan Biologi. Manakala aliran Sains Gunaan bermaksud pelajar berkenaan mengambil semua subjek teras Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan mengambil subjek elektif Fizik, Kimia dan Prinsip Akaun (menggantikan subjek Biologi).

Taburan kelayakan akademik pelajar semasa mula mendaftar di MRSM pula adalah seperti di jadual 4.9 Berdasarkan jadual 4.9 di bawah didapati bahawa 3.3 % (4) pelajar telah mendaftar sebagai pelajar MRSM dengan kelayakan 9A dalam PMR. Sebanyak 58.3 % (70) pelajar memperolehi 8A. 25.8 % (31) pelajar memperolehi 7A. 1B

Jadual 4.9
Taburan pencapaian sampel pelajar mendaftar sebagai pelajar MRSM
(n = 120)

Pencapaian dalam PMR	Bilangan	Peratus (%)
9A	4	3.3
8A	70	58.3
7A, 1B	31	25.8
6A, 2B	15	12.5
Jumlah	120	100.0

dan 12.5% (15) pelajar memperoleh 6A, 2B dalam peperiksaan PMR mereka. Manakala jadual 4.10 pula memaparkan pencapaian akademik pelajar sampel kajian dalam peperiksaan semester 1 dan semester 2. Pencapaian mereka dalam tempoh tersebut ditinjau bertujuan untuk melihat sejauh mana penglibatan mereka dalam PUM telah memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka. Ini kerana dalam tempoh antara semester 1 dan semester 2 tersebut merupakan tempoh mereka terlibat dalam aktiviti PUM.

Jadual 4.10
Taburan pencapaian sampel pelajar yang menyertai PUM pada semester 1 dan semester 2 (Dalam tempoh mereka menyertai PUM) (n = 120)

PNG	Semester 1			Semester 2		
	Bil	(%)	% Berkumpul	Bil	%	% Berkumpul
2.0 ke bawah	6	5.0	5.0	1	0.8	0.8
2.01 – 2.50	17	14.2	19.2	26	21.7	22.5
2.51 – 3.0	49	40.8	60.0	34	28.3	50.8
3.01 – 3.50	37	30.8	90.8	44	36.7	87.5
3.51 ke atas	11	9.2	100	15	12.5	100.0
Jumlah	120	100.0	100.0	120		100.0

Intepretasi Dapatan

Seterusnya bab ini akan memaparkan hasil analisis data dan intepretasi dapatan. Semua perbincangan akan berdasarkan kepada soalan kajian yang telah dikemukakan.

1. Soalan kajian pertama ialah adakah GPP berjaya menerapkan cirri keusahawanan dikalangan pelajar MRSM akan dibincangkan dari aspek:

- i. Pendedahan awal GPP terhadap PUM
- ii. Kualiti kursus GPP yang telah guru hadiri.
- iii. Kefahaman guru terhadap isi kandungan PUM dan kaedah melaksanakan PUM.
- iv. Pendedahan awal pelajar terhadap PUM
- v. Kefahaman pelajar terhadap PUM

2. \Soalan kajian kedua ialah adakah pelajar MRSM yang telah menyertai PUM telah meningkat tahap ketrampilan diri mereka. Perbincangan akan ditumpukan kepada:

- i. Pendapat GPP terhadap ketrampilan pelajar dalam aspek Ciri keusahawanan sebelum dan selepas pelajar menyertai PUM
- ii. Pendapat pelajar PUM terhadap aspek ketrampilan diri yang ingin diterapkan melalui aktiviti PUM sebelum dan selepas mereka menyertai PUM.

3. Soalan kajian ketiga ialah adakah pencapaian akademik pelajar MRSM yang menyertai PUM telah meningkat secara ketara. Perbincangan aspek ini akan meliputi:

- i. Pendapat GPP terhadap pencapaian akademik pelajar PUM berbanding dengan pelajar lain.
- ii. Pendapat pelajar PUM tentang pencapaian pelajaran mereka dalam bidang akademik.
- iii. Perbandingan pencapaian PNG pelajar PUM pada semester I dan semester 2 tahun 2001 iaitu tempoh dimana mereka menyertai aktiviti PUM

4. Soalan kajian keempat ialah adakah wujud perbezaan ciri keusahawanan antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar. Perbincangan aspek ini akan dilihat berdasarkan:

- i. Pandangan GPP terhadap ciri keusahawanan pelajar PUM bimbingannya berdasarkan lokasi MRSM di mana mereka mengajar (bandar atau luar bandar)
- ii. Pendapat pelajar tentang ciri keusahawanan yang ada pada diri mereka sebelum dan selepas mereka menyertai PUM di setiap lokasi MRSM.

5. Soalan kajian kelima ialah adakah GPP menghadapi masalah dalam mengendalikan PUM di MRSM. Perkara ini akan dibincangkan dalam aspek

- i. Keyakinan guru dalam mengendalikan PUM
- ii. Kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti PUM
- iii. Sokongan pihak atasan terhadap aktiviti PUM di sekolah berkenaan.
- iv. Cadangan pelajar untuk mempertingkatkan prestasi PUM di MRSM.
- v. Cadangan guru untuk mempertingkatkan lagi prestasi PUM di MRSM

4.2 Adakah guru pembimbing PUM berjaya menerapkan ciri keusahawanan dikalangan pelajar MRSM.

Soalan kajian pertama ini merangkumi tiga aspek yang akan dibincangkan iaitu pendedahan awal GPP, kualiti kursus GPP yang telah guru hadiri dan kefahaman GPP terhadap isi kandungan PUM dan kaedah melaksanakan PUM

i) Pendedahan awal GPP terhadap PUM

Pendedahan awal tentang PUM akan ditinjau dari aspek pendedahan awal para GPP terhadap PUM dan peranan GPP sebelum mereka membimbing para pelajar menjalankan aktiviti PUM. Pendedahan awal ini merangkumi tempoh semasa mereka mengikuti latihan perguruan sama ada di universiti atau maktab perguruan yang dapat membantu mereka menjadi GPP yang berkualiti. Seterusnya tinjauan dibuat terhadap kursus GPP yang telah mereka hadiri. Ianya meliputi kehadiran para guru dalam kursus GPP anjuran pihak tertentu seperti MARA, Kementerian Pembangunan Usahawan atau pihak MRSM sendiri. Pendedahan awal ini amat penting kepada para guru untuk membolehkan mereka memahami isi kandungan dan cara pelaksanaan PUM. Jadual 4.11 di bawah menunjukkan taburan sampel guru mengikut pendedahan awal terhadap PUM dan kehadiran mereka dalam kursus GPP. Data yang ditunjukkan dalam jadual 4.11 menunjukkan bahawa sebanyak 54.5% (6) guru menyatakan mereka pernah mendapat pendedahan awal mengenai PUM sewaktu mengikuti latihan perguruan di universiti/maktab. Manakala selebihnya sebanyak 45.5% (5) guru tidak mendapat pendedahan awal. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan GPP yang sedang membimbing pelajar dalam aktiviti PUM pernah

mengikuti latihan berkaitan dengan pelaksanaan PUM semasa di universiti/maktab perguruan.

Jadual 4.11

Taburan sampel guru dari sudut pendedahan awal terhadap PUM dan kehadiran mereka dalam kursus gpp. (n = 11)

Aspek	Pernah		TidakPernah		Jumlah	
	Bil	(%)	Bil	(%)	Bil	(%)
Pendedahan awal terhadap PUM sewaktu di universiti / maktab perguruan	6	54.5	5	45.5	11	100.0
Kehadiran dalam Kursus Pembimbing PUM semasa bertugas di MRSM	7	63.6	4	36.4	11	100.0

Dari segi kehadiran dalam kursus GPP PUM pula data menunjukkan bahawa 63.6% (7) guru pernah menghadirinya hanya selepas mereka menjadi guru MRSM. Manakala 36.4% (4) guru tidak pernah menghadiri kursus berkaitan dengan pembimbingan PUM walaupun telah menjadi guru MRSM. Ini menunjukkan bahawa bilangan guru yang telah menghadiri kursus GPP adalah lebih ramai berbanding dengan mereka yang tidak pernah menghadirinya. Sebahagian guru masih tidak berkesempatan menghadiri kursus kerana bilangan peserta kursus anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan MARA adalah terhad untuk setiap MRSM. Mereka masih tidak berpeluang menjalani “in house training” di MRSM di mana mereka sedang mengajar. Ini mungkin disebabkan pihak MRSM tidak berkeupayaan untuk mengendalikannya dan jika berkeupayaan sekalipun adalah tidak ekonomik untuk melaksanakannya kerana bilangan GPP yang terlalu kecil di sesebuah MRSM. Jadual 4.12 memaparkan taburan 7 orang guru yang pernah menghadiri Kursus GPP dari aspek kekerapan menghadiri kursus dan jumlah hari menghadiri kursus tersebut.

Jadual 4.12

Taburan sampel guru mengikut kekerapan menghadiri Kursus GPP dan jumlah hari berkursus (n = 7)

Aspek	Kekerapan Menghadiri Kursus		Jumlah	Jumlah Menghadiri Kursus Hari		Jumlah
	1-3 kali	>3 kali		<2 hari	> 3 hari	
Menghadiri kursus pembimbing PUM	5	2	7	3	4	7

Data daripada jadual 4.12 di atas menunjukkan bahawa 71.4 % (5) dikalangan guru yang pernah menghadiri Kursus GPP telah menghadiri kursus berkenaan sebanyak 3 kali atau kurang. Manakala 28.5 % (2) guru lagi telah menghadiri kursus sebanyak 4 kali atau lebih. Sementara tempoh kursus yang dihadiri pula ialah 42.9 % (3) guru telah menghadiri kursus GPP selama 2 hari atau kurang dan sebanyak 57.1 % (4) GPP telah menghadiri kursus selama 3 hari atau lebih.. Kekerapan menghadiri kursus dan bilangan hari kursus adalah rendah kerana pihak penganjur iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan MARA kurang membuat kursus lanjutan. Di samping itu pihak MRSM juga tidak mengadakan kursus dalaman (in house training) yang berterusan. Keadaan ini berlaku mungkin pihak MRSM telah mengandaikan bahawa GPP telah memahami sepenuhnya cara pengendalian PUM di maktabnya.

Bagi guru yang tidak pernah menghadiri kursus GPP, kefahaman mereka tentang PUM adalah melalui inisiatif mereka sendiri bagi mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan PUM. Oleh itu berbagai cara dilakukan oleh para guru berkenaan untuk memahami cara pelaksanaan PUM. Jadual 4.13 menunjukkan

taburan berbagai cara guru berkenaan memperoleh maklumat untuk melaksanakan PUM di maktab mereka.

Jadual 4.13

Taburan sampel guru yang tidak pernah menghadiri kursus guru pembimbing PUM mendapatkan maklumat tentang PUM (n=4)

Kaedah untuk mendapatkan maklumat tentang PUM	Ya	Tidak	Jumlah
	Bilangan	Bilangan	Bilangan
Membaca Buku Panduan PUM	4	0	4
Bertanya Rakan Setugas	4	0	4
Mencerap Guru Lain	4	0	4
Cara-cara lain	0	4	4

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa GPP di MRSM tidak mendapat pendedahan awal secukupnya terhadap PUM sebelum mereka diberi tanggungjawab membimbing pelajar PUM. Jika ada usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkenaan bagi memberikan kursus berkaitan dengan pelaksanaan PUM, usaha tersebut tidak memadai kerana kursus yang diberikan adalah kurang kerap serta tempoh masa kursus yang pendek. Oleh itu dapatlah dibuat rumusan bahawa pendedahan awal GPP terhadap pelaksanaan PUM adalah tidak mencukupi dan boleh menyebabkan PUM tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

ii) Kualiti kursus GPP yang telah guru hadiri

Tinjauan seterusnya yang dilakukan bagi menjawab soalan kajian pertama ialah terhadap kualiti GPP untuk membimbing pelajar PUM. Kualiti kursus GPP dilihat dari sudut kefahaman GPP tentang isi kandungan PUM, keyakinan guru untuk membimbing pelajar PUM dan keperluan kepada kursus lanjutan.

Kefahaman GPP akan ditinjau dari aspek peningkatan pengetahuan mereka selepas berkursus GPP, kefahaman mereka terhadap isi kandungan Buku Panduan

PUM, elemen yang hendak diterapkan dan kaedah mendapatkan maklumat PUM bagi guru yang tidak pernah mengikuti kursus PUM. Guru akan memahami dengan mudah isi kandungan dan kaedah untuk melaksanakan PUM melalui kursus dan latihan yang mereka hadiri. Peningkatan pengetahuan guru tentang PUM selepas mengikuti kursus akan membantu mereka menambahkan kefahaman mereka untuk membimbing pelajar PUM. Jadual 4.14 memaparkan data berkenaan taburan guru mengikut anjakan pengetahuan mereka tentang PUM selepas mengikuti kursus GPP.

Data daripada jadual 4.14 mendapati bahawa semua responden yang pernah menghadiri kursus PUM menyatakan bahawa pengetahuan dan kefahaman

Jadual 4.14

Taburan sampel guru mengikut aspek peningkatan pengetahuan tentang PUM selepas mengikuti kursus guru pembimbing PUM (n = 7)

Aspek	Meningkat (Bilangan)	Tidak Meningkat (Bilangan)	Jumlah (Bilangan)
Peningkatan Pengetahuan tentang PUM selepas mengikuti kursus PUM.	7 (100.0 %)	0 (0 %)	7 (100.0 %)

mereka tentang PUM telah bertambah.. Oleh itu kehadiran dalam kursus GPP telah memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan pengetahuan seseorang GPP.

Kefahaman guru tentang isi kandungan kursus GPP bergantung kepada kaedah kursus tersebut disampaikan. Kursus yang disampaikan dengan berkesan akan menjadikan tahap pemahaman guru lebih tinggi berbanding dengan kursus yang disampaikan dengan kurang berkesan. Kualiti kursus GPP ditinjau dari sudut penyampai dan penganjur kursus, cara penyampaian kursus, keyakinan untuk membimbing pelajar PUM dan bimbingan lanjutan yang diperlukan.

Maklumat berkenaan dengan pihak yang menyampaikan dan menganjurkan kursus GPP adalah seperti di jadual 4.15. Berdasarkan jadual 4.15 menunjukkan 100.0 % (7) guru menyatakan pegawai Bahagian Pendidikan Menengah MARA telah menyampaikan kursus PUM kepada mereka. Manakala 3 orang lagi menyatakan bahawa mereka menerima maklumat tentang GPP daripada pensyarah universiti/maktab di samping pegawai BPM.

Jadual 4.15

Taburan sampel guru mengikut penglibatan pihak yang menyampaikan kursus (n = 7)

Pihak Yang Menyampaikan Kursus Pembimbing PUM	Ya	Tidak	Jumlah
	Bilangan	Bilangan	Bilangan
Pegawai Bahagian Pendidikan Menengah MARA	7 (100.0 %)	0 (0 %)	7 (100.0 %)
Pensyarah universiti / maktab	3 (42.9 %)	4 (57.1 %)	7 (100.0 %)

Pada umumnya guru yang pernah menghadiri kursus GPP mendapat penerangan daripada pihak atau individu yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PUM iaitu Pegawai Bahagian Pendidikan Menengah MARA dan pensyarah universiti/maktab. Situasi ini akan menjadikan guru memahami PUM dengan lebih mendalam.

Dari segi kaedah penyampaian kursus PUM pula responden memberikan maklum balas yang berbeza. Dapatan kajian mengenai kaedah penyampaian kursus dan penerangan adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.16 Data daripada jadual 4.16 di bawah mendapati bahawa dikalangan guru PUM yang pernah mengikuti kursus GPP, sebanyak 71.4 % (5) guru menyatakan penyampaian kursus adalah berbentuk taklimat/syarahan. Sementara 42.9 % (3) guru menyatakan bahawa kaedah dialog/perbincangan telah digunakan dalam kursus tersebut. Dapatan

Jadual 4.16

Taburan sampel guru yang pernah berkursus mengikut cara penyampaian kursus dan penerangan mengenai PUM (n = 7)

Cara Penyampaian Kursus PUM	Ya		Tidak		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil	%
Taklimat / Syarahan	5	71.4	2	28.6	7	100.0
Dialog / Perbincangan	3	42.9	4	57.1	7	100.0
Demonstrasi/Tunjuk Cara	5	71.4	2	28.6	7	100.0
AmaliSecara Individu/berkumpulan	4	57.1	3	42.9	7	100.0

kajian juga mendapati 71.4 % (5) guru yang pernah berkursus menyatakan terdapat sidang demonstrasi/tunjuk cara bagaimana mengendalikan PUM. Seterusnya 57.1 % (4) guru menyatakan terdapat sesi latihan amali mengendalikan PUM semasa berkursus. Secara ringkas, majoriti guru yang pernah menghadiri kursus menyatakan penerangan mengenai pelaksanaan PUM oleh pihak yang berkenaan dilakukan dalam bentuk taklimat, syarahan, dialog dan perbincangan. Namun demikian terdapat sebilangan kecil guru menyatakan mereka dikehendaki menjalani sesi latihan amali PUM sebagai percubaan sewaktu berkursus. Sesi latihan amali PUM kurang dijalankan kerana tempoh masa berkursus adalah terlalu singkat. Keadaan ini boleh menyebabkan penguasaan guru terhadap cara pengendalian PUM kurang mantap kerana mereka kurang berpeluang untuk berlatih mengendalikannya. Berdasarkan dapatan di atas dapatlah dikatakan bahawa pengetahuan GPP tentang PUM telah bertambah tetapi masih terdapat guru yang merasakan pengetahuan mereka masih belum mantap. Jadi mereka masih memerlukan pengetahuan tambahan berkaitan dengan pelaksanaan PUM.

Dari segi keyakinan untuk membimbing pelajar pula dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 63.6% (7) guru menyatakan yang mereka yakin boleh membimbing pelajar PUM menjalankan aktiviti mereka dan 36.4% (4) guru tidak yakin untuk membimbing pelajar PUM menjalankan aktiviti mereka. Taburan tahap keyakinan guru boleh membimbing pelajar PUM mencerminkan kualiti kursus yang telah mereka hadiri iaitu semakin yakin guru untuk membimbing maka semakin tinggi kualiti kursus tersebut dan begitulah sebaliknya. Dapatan ini dipaparkan dalam jadual 4.17 di bawah.

Jadual 4.17
Taburan sampel guru tentang keyakinan mereka untuk membimbing pelajar PUM (n = 11)

	Bil	Peratus (%)
Yakin	7	63.6
Tidak Yakin	4	36.4
Jumlah	11	100.0

Walaupun peratusan GPP yang yakin untuk membimbing pelajar PUM adalah lebih tinggi (63.6 %) tetapi masih ramai dikalangan mereka yang memerlukan bimbingan tambahan. Ini bermakna ia masih kurang berkesan untuk menghasilkan guru pembimbing yang berkesan.

Kefahaman dan pengetahuan guru akan dapat dipertingkatkan lagi apabila mereka diberikan bimbingan tambahan yang berterusan. Jadual 4.18 menunjukkan taburan guru yang pernah dan tidak pernah menghadiri kursus PUM yang memerlukan bimbingan tambahan dalam pelaksanaan PUM. Berdasarkan jadual 4.18, didapati bahawa semua guru memerlukan bimbingan tambahan untuk melaksanakan PUM dengan berkesan sama ada mereka pernah menghadiri atau pun tidak pernah

menghadiri kursus GPP. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa semua guru mempunyai kefahaman yang belum kukuh untuk melaksanakan PUM dengan berkesan. Mereka perlu diberi bimbingan tambahan

Jadual 4.18

Taburan sampel guru mengikut aspek keperluan bimbingan tambahan berdasarkan kehadiran dalam kursus. (n = 11)

Aspek	Kehadiran dalam kursus PUM		
		Pernah Hadir (n=7) (Bilangan)	Tidak Pernah Hadir (n=4) (Bilangan)
Keperluan bimbingan tambahan	Perlu	7 (100.0 %)	4 (100.0 %)
	Tidak Perlu	0 (0 %)	0 (0 %)
Jumlah		7 (100.0)	4 (100.0 %)

yang berterusan bagi meningkatkan kefahaman dan kecekapan melaksanakan PUM. Ini mencerminkan bahawa kualiti kursus GPP yang telah dihadiri oleh para guru pembimbing adalah rendah kualitinya dan memerlukan kursus lanjutan. Ianya boleh menjadikan pelaksanaan PUM di MRSM kurang berkesan sekiranya aspek ini tidak ditangani segera oleh pihak penganjur PUM MRSM.

iii) Kefahaman guru terhadap isi kandungan PUM dan kaedah melaksanakan PUM.

Kefahaman GPP akan ditinjau dari tiga aspek iaitu kefahaman guru, kaedah melaksanakan PUM dan elemen yang nak diterapkan. Tahap isi kandungan PUM yang disampaikan kepada guru turut mempengaruhi kefahaman guru terhadap kaedah pelaksanaan PUM. Jadual 4.19 menunjukkan taburan tahap isi kandungan atau maklumat mengenai PUM yang telah disampaikan kepada guru sewaktu mereka berkursus. Berdasarkan jadual 4.19 didapati bahawa daripada kalangan responden

yang pernah menghadiri kursus GPP hanya 28.6 % (2) guru sahaja yang menyatakan kursus PUM telah disampaikan secara terperinci. Manakala 42.8 (3) guru lagi menyatakan bahawa kursus GPP yang disampaikan adalah sebahagian sahaja daripada isi kandungan atau maklumat mengenai PUM dan 28.6 % (2) guru menyatakan penerangan yang diberi adalah terlalu ringkas. Menurut mereka penerangan diberikan terhadap beberapa bahagian penting sahaja. Ini disebabkan faktor masa berkursus yang sangat pendek. Oleh itu kursus lanjutan perlu diberikan dari semasa ke semasa supaya isi kandungan PUM dapat dijelaskan sepenuhnya kepada guru berkenaan agar mereka memahami dan menghayati isi kandungan PUM tersebut. Secara keseluruhannya kualiti kursus GPP yang dihadiri oleh para guru adalah rendah. Hampir semua guru telah mendapat latihan/bimbingan daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PUM seperti pegawai Bahagian Pendidikan Menengah MARA dan pensyarah universiti / maktab

Jadual 4.19

Taburan sampel guru yang pernah berkursus mengikut tahap isi kandungan kursus guru pembimbing PUM dan kaedah pengendalian PUM (n = 7)

Isi Kandungan PUM Yang Telah Disampaikan	Bilangan	Peratus (%)
Secara terperinci	2	28.6
Sebahagian sahaja	3	42.8
Terlalu ringkas	2	28.6
Jumlah	7	100.0

Di samping itu, tinjauan juga mendapati bahawa sebanyak 57.2 % (4) guru daripada 7 orang GPP yang telah didedahkan dengan sesi latihan amali yang berupa aktiviti “hands on” untuk mengendalikan PUM di MRSM. Manakala yang lain didedahkan secara teori sahaja melalui sesi syarahan/taklimat, dialog/perbincangan

dan demonstrasi. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 57.2 % (4) guru yang pernah berkursus mempunyai pengalaman mengendalikan PUM dan hanya sebanyak 42.8 % (3) GPP yang tidak menerima kandungan PUM dengan lengkap. Secara umumnya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kursus GPP yang guru hadiri belum lagi cukup mantap untuk melahirkan GPP yang berkesan.

Aspek lain yang turut mempengaruhi kefahaman GPP tentang kaedah untuk melaksanakan PUM ialah kefahaman tentang isi kandungan buku panduan PUM dan kefahaman tentang elemen yang hendak diterapkan dalam aktiviti PUM.

Dapatan kajian terhadap aspek kefahaman tentang isi kandungan Buku Panduan PUM adalah ditunjukkan dalam jadual 4.20

Jadual 4.20
Taburan sampel guru mengikut aspek kefahaman tentang isi kandungan Buku Panduan PUM berdasarkan kehadiran dalam kursus.

Aspek	Kehadiran Ke Kursus PUM		
		Pernah Hadir	Tidak Pernah Hadir
		Bilangan (%)	Bilangan (%)
Kefahaman tentang isi kandungan Buku Panduan PUM	Sangat Faham	2 (28.6 %)	0 0.0 %
	Faham Sedikit	5 (71.4 %)	3 75.0 %
	Tidak Faham	0 (0 %)	1 25.0 %
Jumlah		7 (100.0)	4 (100.0)

Berdasarkan jadual 4.20 didapati bahawa sebanyak 28.6 % (2) guru yang menghadiri kursus GPP sangat faham tentang isi kandungan Buku Panduan PUM. Manakala 71.4 % (5) guru lagi hanya faham sedikit sahaja tentang isi kandungan PUM. Bagi guru yang tidak menghadiri kursus GPM 75.0 % (3) guru faham sedikit sahaja dan 25 % (1) guru tidak faham langsung tentang isi kandungan Buku Panduan PUM. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan hampir semua

guru menyatakan faham sedikit sahaja sama ada mereka pernah menghadiri kursus PUM atau pun tidak. Ini bermakna hampir semua responden dianggap mempunyai tahap kefahaman yang rendah tentang isi kandungan Buku Panduan PUM. Oleh itu semua guru berkenaan perlu diberi bimbingan berterusan berhubung dengan kandungan Buku Panduan PUM.

Jadual 4.21 memaparkan taburan guru yang pernah dan yang tidak pernah menghadiri kursus GPP mengikut pengetahuan mereka untuk menerapkan ciri keusahawanan kepada para pelajar.

Jadual 4.21

Taburan sampel guru mengikut pengetahuan mereka untuk menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar berdasarkan kehadiran dalam kursus PUM

Aspek	Kehadiran dalam kursus PUM		
		Pernah Hadir (n=7) Bilangan (%)	Tidak Pernah Hadir (n=4) Bilangan (%)
Pengetahuan untuk menerapkan ciri keusahawanan	Tahu	7 (100.0)	2 (50.0)
	Tidak tahu	0 (0 %)	2 (50.0)
JUMLAH		7 (100.0)	4 (100.0)

Keputusan yang ditunjukkan di dalam jadual 4.21 mendapati bahawa semua guru yang pernah menghadiri kursus GPP tahu cara untuk menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar PUM yang dibimbing oleh mereka. Manakala 50 % (2) guru yang tidak pernah menghadiri kursus GPP menyatakan yang mereka tahu cara menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar menerusi aktiviti PUM dan 50 % (2) guru yang tidak pernah menghadiri kursus GPP menyatakan mereka tidak tahu cara untuk menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar PUM bimbingan mereka.

Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi guru yang pernah menghadiri kursus GPP memang tahu tentang cara untuk menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar PUM yang dibimbing oleh mereka. Manakala bagi guru yang tidak pernah menghadiri kursus GPP sebahagian daripada mereka mengetahui cara menerapkan ciri keusahawanan kepada para pelajar PUM bimbingan mereka. Ini mungkin kerana mereka telah mendapat penerangan daripada rakan setugasnya yang sama-sama membimbing PUM. kehadiran dalam kursus GPP adalah penting untuk mendapatkan penerangan dan penjelasan tentang cara menerapkan ciri keusahawanan semasa aktiviti PUM dijalankan.

Taburan guru mengikut tahap kefahaman tentang elemen yang hendak diterapkan kepada para pelajar melalui aktiviti PUM sama ada mereka pernah mengikuti kursus GPP atau pun tidak menghadiri kursus GPP dipaparkan dalam jadual 4.22

Jadual 4.22
Taburan guru mengikut aspek kefahaman tentang elemen yang hendak diterapkan kepada pelajar berdasarkan kehadiran dalam kursus.

Aspek	Hadir Kursus PUM		
	Pernah Hadir (n = 7)		Tidak Pernah Hadir (n = 4)
		Bilangan (%)	Bilangan (%)
Kefahaman tentang elemen yang hendak diterapkan	Sangat Faham	1 (14.3)	0 (0)
	Faham Sedikit	6 (85.7)	4 (100)
	Tidak Faham	0 (0)	0 (0)
Jumlah		7 (100)	4 (100)

Berdasarkan jadual 4.22 data menunjukkan bahawa kebanyakan guru hanya faham sedikit sahaja tentang elemen yang hendak diterapkan kepada pelajar melalui aktiviti PUM. Tinjauan mendapati 85.7 % (6) guru yang pernah menghadiri kursus

GPP memahami sedikit sahaja tentang elemen yang perlu diterapkan. Manakala seorang guru menyatakan sangat faham tentang elemen yang ingin diterapkan dalam aktiviti PUM. Sementara 100 % (4) guru yang tidak pernah menghadiri kursus hanya faham sedikit sahaja tentang elemen yang perlu diterapkan. Dapatan kajian jugamenunjukkan tiada seorang pun guru yang tidak memahami langsung elemen yang perlu diterapkan kepada pelajar menerusi aktiviti PUM.

Dapatan kajian berdasarkan ketiga-tiga jadual 4.21, 4.22 dan 4.23 menunjukkan bahawa guru memahami sedikit sahaja isi kandungan Buku Panduan PUM, pengetahuan untuk menerap ciri keusahawanan dan elemen yang perlu diterapkan kepada pelajar. Ketiga-tiga aspek ini adalah penting untuk membantu guru memahami kaedah pengendalian PUM. Seterusnya dapatlah dibuat rumusan bahawa GPP memahami kaedah untuk mengendalikan PUM. Namun demikian, mereka seharusnya diberi kursus lanjutan supaya dapat memahami sepenuhnya isi kandungan Buku Panduan PUM, kaedah melaksana dan elemen yang perlu mereka terapkan. Keberkesanan pelaksanaan PUM bergantung kepada tahap pengetahuan GPP. Pengetahuan guru yang tinggi dalam PUM akan dapat membantu para guru melaksanakan PUM dengan lancar dan berkesan. Jadual 4.23 memaparkan data taburan guru mengikut tahap pengetahuan mereka tentang PUM.

Berdasarkan data dari jadual 4.24 di bawah, didapati bahawa 100 % (7) guru yang pernah menghadiri kursus GPP menyatakan yang mereka kurang tahu banyak kaedah melaksanakan PUM. Semua guru yang menghadiri kursus GPP menyatakan mereka hanya tahu beberapa kaedah sahaja dalam melaksanakan PUM. Manakala

Jadual 4.23
Taburan sampel guru mengikut tahap pengetahuan mereka tentang kaedah pelaksanaan PUM berdasarkan kehadiran dalam kursus PUM

ASPEK	Hadir Kursus PUM		
	Pernah Hadir (n = 7)		Tidak Pernah Hadir (n = 4)
		Bilangan (%)	Bilangan (%)
Pengetahuan tentang kaedah melaksanakan PUM	Banyak Kaedah	0 (0)	0 (0)
	Beberapa Kaedah	7 (100)	2 (50)
	Tiada Langsung	0 (0)	2 (50)
Jumlah		7 (100)	4 (100)

50 % (2) guru yang tidak pernah menghadiri kursus menyatakan mereka tahu beberapa kaedah mengendalikan PUM dan 50 % (2) guru yang tidak pernah menghadiri kursus PUM menyatakan mereka tidak tahu langsung bagaimana hendak membimbing pelajar melaksanakan PUM.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa untuk kedua-dua golongan guru yang pernah hadir dan tidak pernah hadir dalam kursus GPP sebilangan besar guru menyatakan mereka mengetahui hanya beberapa kaedah pelaksanaan sahaja. Keputusan ini menunjukkan bahawa secara amnya hampir semua guru memahami isi kandungan Buku Panduan PUM, mengetahui kaedah yang sesuai digunakan dalam pelaksanaan PUM serta memahami elemen yang hendak diterapkan melalui aktiviti PUM di MRSM.

Aspek memahami kepentingan penerapan ciri keusahawanan dalam PUM turut menyumbang kepada kefahaman guru terhadap kaedah untuk mengendalikan PUM. Taburan guru yang pernah berkursus dan tidak pernah berkursus mengikut aspek kefahaman terhadap kepentingan penerapan ciri keusahawanan dalam aktiviti PUM ditunjukkan dalam jadual 4.24. Data di dalam jadual 4.24 di bawah memaparkan

bahawa 100 % (7) guru pembimbing yang pernah menghadiri kursus GPP menyatakan bahawa mereka faham tentang kepentingan menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar PUM. Manakala 75 % (3) guru yang tidak menghadiri kursus PUM menyatakan yang mereka faham

Jadual 4.24

Taburan sampel guru mengikut aspek kefahaman terhadap kepentingan penerapan ciri keusahawanan berdasarkan kehadiran dalam kursus PUM.

Aspek	Hadir Kursus PUM		
		Pernah (n=7) Bilangan (%)	Idak Pernah (n=4) Bilangan (%)
Kefahaman terhadap kepentingan penerapan ciri keusahawanan	Faham	7 (100)	3 (75.0)
	Tidak Faham	0 (0)	1 (25.0)
Jumlah		7 (100)	4 (100)

tentang kepentingan menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar. Hanya 25 % (1) guru yang tidak pernah menghadiri kursus PUM mengatakan tidak faham tentang kepentingan menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar PUM.

Keputusan ini menunjukkan hampir semua GPP faham tentang kepentingan menerapkan ciri keusahawanan kepada para pelajar PUM.. Ini akan memberi panduan kepada para ,GPP untuk mengambil langkah yang sesuai bagi melicinkan lagi pelaksanaan PUM.

Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa kualiti kursus GPP adalah rendah dan memerlukan tindakan segera untuk mempertingkatkan nya oleh pihak pengelola PUM MRSM sekiranya ingin melihat PUM dilaksanakan dengan lebih berkesan.

iv) Pendedahan awal pelajar terhadap PUM

Secara keseluruhannya pelajar telah mendapat pendedahan tentang keusahawanan semasa mereka mempelajari subjek kemahiran hidup semasa mereka belajar di peringkat sekolah menengah rendah iaitu di bawah tajuk asas keusahawanan yang merupakan tajuk yang wajib dipelajari oleh semua calon Penilaian Menengah Rendah. Manakala pendedahan terhadap PUM pula ialah sebaik sahaja mereka mendaftar sebagai pelajar tingkatan empat MRSM (dalam minggu suaikenal). Ini ditunjukkan oleh jadual 4.25 di bawah

Jadual 4.25
Taburan sampel pelajar mengikut pendedahan awal terhadap PUM

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Menerima pendedahan awal tentang PUM semasa minggu suaikenal	10.8 % (13)	13.3 % (16)	75.8% (91)

Berdasarkan jadual 4.25 di atas didapati 75.8 % (91) pelajar bersetuju yang mereka telah mendapat pendedahan awal tentang PUM semasa minggu suaikenal mereka diawal tingkatan 4 di MRSM, 13.3 % (16) pelajar tidak pasti dan 10.8 % (13) tidak bersetuju. Seterusnya jadual 4.27 di bawah pula menunjukkan taburan sampel pelajar yang telah menerima taklimat dan penerangan oleh GPP tentang kandungan PUM. Berdasarkan jadual 4.27 dapatan menunjukkan bahawa 85.0 % (102) pelajar bersetuju bahawa mereka telah mendapat taklimat dan penerangan tentang kandungan PUM oleh GPP. 10.0% pelajar menyatakan tidak pasti dan 5.0 % (6) pelajar tidak bersetuju yang mereka telah mendapat taklimat atau penerangan daripada guru pembimbing PUM Oleh itu berdasarkan jadual 4.25 dan 4.26 dapatlah dirumuskan bahawa para pelajar telah mendapat pendedahan awal yang mencukupi

tentang PUM dan sekali gus dari segi mentalnya para pelajar PUM memang telah bersedia untuk melaksanakan PUM.

Jadual 4.26

Jadual taburan sampel pelajar yang telah menerima taklimat dan penerangan oleh guru tentang kandungan PUM

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Mendapat penerangan dan taklimat daripada guru tentang kandungan PUM.	5.0% (6)	10.0 % (12)	85.0%(102)

v. Kefahaman pelajar terhadap PUM

Seterusnya pengkaji telah melihat tentang kefahaman pelajar terhadap PUM. Bagi meninjau aspek ini para pelajar telah ditanya tentang sejauh mana mereka memahami tujuan PUM dilaksanakan. Dapatan kajian tentang aspek ini ditunjukkan dipaparkan dalam jadual 4.27 di bawah. Berdasarkan jadual 4.27 didapati 79.2 % (95) pelajar bersetuju yang mereka memahami tujuan PUM dilaksanakan. Sebanyak 19.2 % menyatakan mereka tidak pasti tujuan PUM dilaksanakan dan hanya 1.7 % (2) pelajar sahaja yang tidak bersetuju yang mereka memahami tujuan PUM dilaksanakan.

Jadual 4.27

Taburan sampel pelajar yang memahami tujuan PUM dilaksanakan

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Memahami tujuan PUM dilaksanakan	1.7 % (2)	19.2 % (23)	79.2% (95)

Komitmen pelajar terhadap aktiviti PUM turut dilihat melalui kejelasan objektif pelaksanaan PUM. Objektif yang lebih jelas akan menghasilkan komitmen yang

lebih tinggi untuk menjayakan PUM. Dapatan mengenai kejelasan objektif pelaksanaan PUM ditunjukkan oleh jadual 4.28 di bawah

Jadual 4.28
Taburan sampel pelajar tentang kejelasan objektif pelaksanaan PUM

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Objektif pelaksanaan PUM adalah jelas	4.1 % (5)	22.5% (27)	73.4% (88)

Berdasarkan jadual 4.28 sebanyak 73.4 % (88) pelajar bersetuju bahawa objektif pelaksanaan PUM adalah jelas, 22.5 % (27) pelajar menyatakan tidak pasti dan hanya 4.1 % (5) pelajar menyatakan tidak setuju yang objektif pelaksanaan PUM adalah jelas.

Tinjauan seterusnya ialah terhadap kefahaman pelajar tentang cara melaksanakan PUM. Sekiranya cara pelaksanaan PUM difahami dengan jelas oleh pelajar maka pelaksanaannya adalah lebih mudah dan lebih berkesan. Kefahaman pelajar tentang cara melaksanakan PUM ditunjukkan dalam jadual 4.29 di bawah. Dapatan menunjukkan bahawa 72.5 % (87) pelajar bersetuju bahawa mereka memahami cara melaksanakan PUM, 25.0 % (30) pelajar menyatakan tidak pasti dan 2.5% (3) pelajar menyatakan tidak setuju.

Jadual 4.29
Taburan sampel pelajar yang memahami cara melaksanakan PUM

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Memahami cara melaksanakan PUM	2.5% (3)	25.0%(30)	72.5% (87)

Seterusnya tinjauan dibuat ke atas pelajar sama ada mereka memahami yang PUM mempunyai kaitan dengan perkembangan watak individu. Dapatan menunjukkan

bahawa 73.4 % (88) pelajar bersetuju yang PUM adalah berkaitan dengan perkembangan watak individu, 22.5 % (27) pelajar menyatakan tidak pasti dan 4.1 % (5) pelajar menyatakan tidak bersetuju. Dapatan ini ditunjukkan dalam jadual 4.30 di bawah. Tinjauan seterusnya dibuat ke atas pelajar PUM tentang sejauh mana mereka memahami yang PUM akan mempertingkatkan kemahiran dan perkara berkaitan dengan perniagaan.. Dapatan kajian tentang perkara ini ditunjukkan dalam jadual 4.31 di bawah. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 90.8 % (109) pelajar bersetuju

Jadual 4.30

Taburan sampel pelajar yang memahami PUM berkait dengan perkembangan watak individu

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Memahami PUM mempunyai kaitan dengan perkembangan watak individu	4.1% (5)	22.5%(27)	73.4%(88)

yang PUM akan mempertingkatkan kemahiran dan perkara berkaitan dengan perniagaan, 5.0 % (6) pelajar menyatakan tidak pasti dan 4.2 % (5) pelajar menyatakan tidak setuju PUM dapat mempertingkatkan kemahiran dan perkara yang berkaitan dengan perniagaan.

Jadual 4.31

Taburan sampel pelajar yang memahami PUM dapat mempertingkatkan kemahiran dan perkara berkaitan dengan perniagaan

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Memahami PUM akan mempertingkatkan kemahiran dan perkara berkaitan dengan perniagaan	4.2%(5)	5.0%(6)	90.8% (109)

Berdasarkan dapatan di atas maka dapatlah dibuat rumusan bahawa dari segi kefahaman pelajar terhadap PUM memang pelajar PUM mempunyai kefahaman yang tinggi tentang PUM. Oleh itu tidak ada sebab mengapa pelaksanaan PUM tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan berdasarkan kefahaman pelajar. Sekiranya berlaku ketidakberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM ianya bukan berpunca dari masalah kefahaman pelajar terhadap PUM tetapi kerana faktor lain.

4.2.2 Soalan kajian kedua ialah adakah pelajar MRSM yang telah menyertai PUM telah meningkat tahap ketrampilan diri mereka.

Bagi menjawab soalan kajian ini pengkaji telah membuat ujian statistik terhadap pendapat GPP dan pendapat pelajar yang telah menyertai PUM. Disebabkan ciri keusahawanan yang dikaji adalah bersifat kualitatif, pengkaji telah menggunakan kaedah “Wilcoxon Rank Sum Test” seperti di bawah

Ujian statistik tentang aspek ketrampilan diri pelajar ini akan dilakukan dari dua sudut iaitu :

- i. Pendapat guru pembimbing PUM terhadap ketrampilan pelajar dalam aspek ciri keusahawanan sebelum dan selepas pelajar menyertai PUM.
- ii. Pendapat pelajar PUM terhadap aspek ketrampilan diri mereka sebelum dan selepas mereka menyertai PUM.

i. Ujian statistik pendapat guru pembimbing PUM tentang ciri keusahawanan pelajar PUM yang mereka bimbing

Jadual 4.32 di bawah menunjukkan keputusan pengiraan ujian statistik pendapat GPP tentang ciri keusahawanan pelajar PUM bimbingan mereka sebelum dan

selepas pelajar menyertai PUM Kaedah pengiraan ujian statistik ditunjukkan di lampiran }

Jadual 4.32

Jadual taburan rank skor pendapat GPP terhadap ciri keusahawanan sebelum dan selepas pelajar menyertai PUM bagi ciri yakin diri

Sebelum Menyertai PUM (Skor)	Rank	Selepas Menyertai PUM (Skor)	Rank
2	1	3	2.5
3	2.5	4	8
4	8	4	8
4	8	4	8
4	8	4	8
4	8	5	17.5
4	8	5	17.5
5	17.5	5	17.5
5	17.5	5	17.5
5	17.5	5	17.5
5	17.5	5	17.5
Jumlah	T1 = 113.5	Jumlah	T2 = 139.5

Jadual 4.33 di bawah memaparkan keputusan pengiraan statistik ujian terhadap semua ciri keusahawanan pelajar yang ingin diuji melalui penyertaan mereka dalam PUM (kaedah ujian sila rujuk lampiran II). Ujian dilakukan melalui ujian hipotesis dengan menentukan hipotesis null dan hipotesis terlebih dahulu dan kemudian diikuti dengan ujian statistik yang menentukan sama ada hipotesis null diterima atau ditolak. Begitu jugalah dengan hipotesis alternative. Hipotesis Null (H_0) diterima bermaksud ciri keusahawanan pelajar PUM adalah tidak berbeza (sama) berbanding dengan ciri keusahawanan pelajar yang tidak menyertai PUM berdasarkan ciri keusahawanan yang dicatatkan. Keputusan ujian berdasarkan pendapat GPP, ciri keusahawanan pelajar PUM adalah sama seperti pelajar lain. Ini menunjukkan bahawa tidak wujud kesan positif ciri keusahawanan bagi pelajar yang telah menyertai PUM. Ciri

keusahawanan mereka adalah sama seperti ciri keusahawanan pelajar lain yang tidak menyertai PUM.

Jadual 4.33

Jadual keputusan pengiraan ujian statistik ciri keusahawanan pelajar PUM berdasarkan pendapat guru pembimbing PUM

	Ciri Keusahawanan	T ₁	T ₂	E(T)	r	z = z	Titik Penolakan	P. Value	H ₁
							n	05 - z	
1.	Yakin Diri	113.5	139.5	126.5	15.23	0.85=0.3023	0.4649	0.1977	Tolak
2.	Berdikari	99.5	153.5	126.5	15.23	1.77=0.4616	0.4649	0.0384	Tolak
3.	Kreatif	136	117	126.5	15.23	0.62=0.2324	0.4649	0.2676	Tolak
4.	Inovatif	104	149	126.5	15.23	1.48=0.4306	0.4649	0.0694	Tolak
5.	Fleksibel	106	147	126.5	15.23	1.35=0.4115	0.4649	0.0885	Tolak
6.	BerKemahiran Sosial	135.5	117.5	126.5	15.23	0.59=0.2224	0.4649	0.2776	Tolak
7.	Perancang Yang Baik	120.5	132.5	126.5	15.23	0.39=0.1517	0.4649	0.3483	Tolak
8.	Mudah komunikasi	104	149	126.5	15.23	1.48=0.4306	0.4649	0.0694	Tolak
9.	Pemimpin Berkaliber	130	123	126.5	15.23	0.23=0.0910	0.4649	0.4090	Tolak
10.	Cekap Menyelesai Masalah	109	144	126.5	15.23	1.15=0.3749	0.4649	0.1251	Tolak
11.	Banyak Pengetahuan Niaga	106.5	146.5	126.5	15.23	1.3=0.4032	0.4649	0.0968	Tolak

Berdasarkan jadual keputusan pengiraan ujian statistik di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa aktiviti PUM di MRSM tidak berjaya menerapkan ciri keusahawanan dikalangan pelajarinya. Keputusan ini bertentangan dengan dapatan kajian terdahulu tentang keberkesanan peningkatan motivasi dan minat terhadap keusahawanan

dikalangan pelajar PUM sekolah menengah yang mendapati bahawa minat berniaga pelajar telah meningkat dari segi amalan dan motivasi.

Dapatan kajian dari aspek kreativiti dan inovatif pelajar juga mendapati bahawa ciri kreatif dan inovatif gagal diterapkan kepada pelajar melalui aktiviti PUM di MRSM yang mana keputusan ujian ini bertentangan dengan dapatan kajian Mohd. Amir Sharifuddin (1993) yang dimasukkan ke dalam Laporan Penilaian Pelaksanaan PUM di sekolah menengah yang telah merumuskan bahawa ciri kreatif dan ciri inovatif pelajar telah meningkat dengan ketara dan budaya niaga telah terserlah kewujudannya di sekolah yang dikaji.

Seterusnya dapatan kajian dalam aspek peningkatan pengetahuan perniagaan menunjukkan dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Zulkifli Senteri (1994) dalam kajiannya tentang latar belakang dan budaya niaga dikalangan ahli PUM yang mendapati bahawa budaya niaga masih lemah kewujudannya di sekolah yang dikaji.

Dapatan kajian ini juga didapati bertentangan dengan dapatan kajian Barjoyai Bardai (1994) dalam kajiannya mengenai kreativiti, keusahawanan dan kepintaran peserta PUM yang mendapati minat yang tinggi untuk menjadi usahawan. dikalangan pelajar yang dikaji

ii) Pengakuan pelajar PUM terhadap aspek ketrampilan diri yang ingin diterapkan melalui aktiviti PUM sebelum dan selepas mereka menyertai PUM.

Sejauh mana objektif pelaksanaan PUM dalam aspek membangunkan ketrampilan diri pelajar PUM juga dapat dinilai menerusi pendapat pelajar PUM tentang tahap ketrampilan diri mereka berhubung dengan ciri keusahawanan tertentu. Pengkaji telah membuat ujian statistik terhadap pendapat para pelajar PUM tersebut

bagi menentukan sama ada ketrampilan diri mereka tentang ciri keusahawanan tertentu telah meningkat selepas mereka menyertai PUM. Keputusan ujian statistik pengakuan pelajar PUM ditunjukkan dalam jadual 4.34 di bawah. (kaedah ujian sila rujuk lampiran III)

Secara umumnya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa PUM telah gagal mencapai objektif pelaksanaannya untuk menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar yang telah menyertainya melalui aktivitinya..

Jadual 4.34

Jadual keputusan pengiraan statistik ujian ciri keusahawanan pelajar PUM berdasarkan pendapat pelajar PUM

	Ciri- Keusahawanan n	T ₁	T ₂	E(T)	r	z = z	Titik Penolakan	P value 0-5-z	H ₁
1.	Yakin Diri	14,262	14,658	14,460	537.77	0.37=0.1443	0.4515	0.3557	Tolak
2.	Berdikari	15,136.5	13,783.5	14,460	537.77	1.26=0.3962	0.4515	0.1038	Tolak
3.	Kreatif	13,612	15,308	14,460	537.77	1.58=0.4429	0.4515	0.0571	Tolak
4.	Inovatif	13,740	15,180	14,460	537.77	1.34=0.4099	0.4515	0.0901	Tolak
5.	Fleksibel	13,581	15,339	14,460	537.77	1.63=0.4484	0.4515	0.0516	Tolak
6.	Beremahiran Sosial	15,190.5	13,729.5	14,460	537.77	1.36=0.4131	0.4515	0.0869	Tolak
7.	Perancang Yang Baik	14,678	14,242	14,460	537.77	0.41=0.1591	0.4515	0.3409	Tolak
8.	Mudah Komunikasi	14,013.5	14,909.5	14,460	537.77	0.83=0.2967	0.4515	0.2033	Tolak
9.	Pemimpin Berkaliber	12,744	16,176	14,460	537.77	3.19=0.4890	0.4515	0.011	Tolak
10.	Cekap Selesai Masalah	12,260	16,660	14,460	537.77	4.09=0.4999	0.4515	0.0001	Tolak
11.	Banyak Pengetahuan Perniagaan	12,288	16,632	14,460	537.77	4.04=0.4999	0.4515	0.0001	Tolak

Berdasarkan keputusan ujian statistik di atas menunjukkan bahawa semua hipotesis null diterima dan hipotesis alternative ditolak. Keputusan ujian ini

memberi maksud bahawa ciri keusahawanan pelajar PUM adalah sama dengan ciri keusahawanan pelajar lain dari kaca mata pelajar PUM.

4.2.3 Soalan kajian ketiga ialah adakah pencapaian akademik pelajar yang menyertai PUM telah meningkat secara ketara. Skop perbincangan bagi menjawab soalan kajian ini ialah

- i) Pandangan GPP terhadap pencapaian akademik pelajar PUM berbanding dengan pelajar lain.
- ii) Pendapat pelajar PUM tentang pencapaian pelajaran mereka dalam bidang akademik.
- iii) Perbandingan pencapaian Purata Nilai Gred (PNG) pelajar PUM pada semester I dan semester II tahun 2001 iaitu tempoh di mana mereka menyertai aktiviti PUM.

i. Pandangan GPP terhadap pencapaian akademik pelajar PUM

Sejauh mana peningkatan pencapaian pelajar PUM dalam akademiknya dapat dilihat berdasarkan pandangan GPP. Aspek ini diperolehi dengan membandingkan pencapaian dalam peperiksaan semester 1 dan semester 2 pelajar yang menyertai PUM dengan pelajar lain. Ini dapat dilakukan oleh GPP kerana di samping mengajar pelajar PUM mereka juga mengajar pelajar yang tidak menyertai PUM. Skor pendapat mereka dapat dilihat dalam jadual 4.35 di bawah. Berdasarkan jadual 4.35 di bawah, di dapati sebanyak 27.3 % (3) GPP tidak setuju yang pencapaian akademik pelajar PUM telah meningkat selepas menyertai PUM. Manakala 72.7% (8) GPP berpendapat bahawa pelajar PUM telah meningkat secara ketara pencapaian akademiknya berbanding dengan pelajar lain. Ini menunjukkan

Jadual 4.35

Pandangan guru pembimbing PUM terhadap peningkatan pencapaian akademik pelajar PUM berbanding dengan pelajar lain.

Aspek	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Peningkatan Pencapaian Akademik Pelajar PUM	3	27.3	-	-	8	72.7

secara keseluruhan pendapat GPP menyatakan pencapaian akademik pelajar PUM telah meningkat lebih tinggi berbanding dengan pencapaian pelajar lain yang tidak menyertai PUM.

4.2.3 Pendapat pelajar yang menyertai PUM tentang pencapaian pelajaran mereka dalam bidang akademik

Peningkatan pencapaian akademik para pelajar juga ditinjau berdasarkan pendapat pelajar yang menyertai PUM. Tinjauan mendapati bahawa sebanyak 39.1% (47) pelajar bersetuju bahawa pencapaian akademik mereka meningkat lebih tinggi berbanding dengan pelajar lain. Manakala 44.2% (53) pelajar tidak pasti sama ada pencapaian akademik mereka telah meningkat lebih tinggi berbanding dengan pelajar lain dari 16.7 % (20) pelajar tidak setuju yang peningkatan pencapaian akademik mereka lebih tinggi berbanding dengan pencapaian akademik pelajar lain. Berdasarkan data yang ditunjukkan didapati majoriti pelajar tidak pasti sama ada pencapaian akademik mereka telah meningkat. Ini ditunjukkan oleh jadual 4.36 di bawah. Berdasarkan data dari jadual 4.36 di bawah didapati bahawa sebahagian besar pelajar PUM tidak pasti sama ada pencapaian akademik mereka telah meningkat lebih baik berbanding dengan pelajar lain.

Jadual 4.36

Taburan pendapat sampel pelajar PUM tentang pencapaian akademik mereka berbanding dengan pencapaian akademik pelajar lain.

Peningkatan pencapaian akademik pelajar PUM lebih tinggi berbanding dengan pelajar lain	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
	2	16.7	53	44.2	47	39.1

4.2.4 Perbandingan pencapaian PNG pelajar PUM pada semester 1 dan semester 2.

Bagi membandingkan pencapaian pelajar PUM pada semester 1 dan semester 2, pengkaji membuat perbandingan min pencapaian pelajar bagi data terkumpul. Ini dilakukan dengan mendarab titik tengah (X) bagi sesuatu kumpulan pencapaian pelajar dengan bilangan pelajar (f) dalam kumpulan pencapaian tersebut untuk mendapatkan jumlah keseluruhan kumpulan pencapaian berkenaan (jumlah $f X$.) seperti dalam jadual 4.37 dan 4.38 di bawah.. Jumlah $f X$ bagi semua kumpulan pencapaian akan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah keseluruhan pencapaian (jumlah fX) bagi semester berkenaan.

Jadual 4.37

Jadual taburan pencapaian akademik pelajar PUM dalam peperiksaan semester 1

Semester 1			
PNG	Bil (f)	Titik Tengah (X)	Jumlah $f X$
0.01 - 2.0	6	1.0	6.0
2.01 - 2.50	17	2.25	38.25
2.51 - 3.00	49	2.75	134.75
3.01 - 3.50	37	3.25	120.25
3.51 - 4.0	11	3.75	41.25
Jumlah	$n=120$		340.5

Jadual 4.38

Jadual taburan pencapaian akademik pelajar PUM dalam peperiksaan semester 2

Pencapaian Akademik Pelajar Semester 2			
PNG	Bil (f)	Titik Tengah (X)	Jumlah f X
0.01 - 2.0	1	1.0	1.0
2.01 - 2.5	26	2.25	58.5
2.51 - 3.0	34	2.75	93.5
3.01 - 3.5	44	3.25	143.0
3.51 - 4.0	15	3.75	56.25
	n = 120		352.25

Berdasarkan hasil pengiraan statistik ujian di atas maka dapat dibuat kesimpulan bahawa pencapaian akademik pelajar PUM telah meningkat lebih baik berbanding dengan pencapaian akademik pelajar lain yang tidak menyertai PUM. Keputusan ini menyamai pendapat GPP bahawa pencapaian akademik pelajar PUM adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian akademik pelajar yang tidak menyertai PUM. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa PUM telah berjaya mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam bidang akademik mereka walau pun tidak berjaya menerapkan ciri keusahawanan kepada mereka.

4.2.4 Soalan kajian keempat ialah adakah wujud perbezaan pencapaian akademik antara pelajar PUM bandar dengan pelajar PUM luar bandar.

Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah meninjau pendapat GPP, pendapat pelajar serta membuat perbandingan pencapaian akademik pelajar pada semester 1 dan 2 bagi pelajar luar bandar dan pelajar bandar serta membuat ujian statistik seperti berikut

- Pendapat GPP terhadap pencapaian akademik pelajar bandar dan pelajar luar bandar bimbingannya.

- ii. Pendapat pelajar bandar dan pelajar luar bandar tentang pencapaian akademik mereka.
- iii. Perbandingan pencapaian akademik pelajar pada semester 1 dan semester 2 bagi pelajar bandar dan pelajar luar bandar.

i. Pendapat GPP terhadap pencapaian akademik pelajar PUM bandar dan pelajar PUM luar bandar

Berdasarkan jadual 4.39 di bawah dapatan menunjukkan bahawa 72.7 % GPP bersetuju bahawa pencapaian akademik pelajar bandar adalah lebih baik berbanding dengan peningkatan pencapaian akademik pelajar luar bandar. dan sebanyak 27.3% GPP tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Jadual 4. 39

Taburan pendapat GPP tentang peningkatan pencapaian akademik pelajar Bandar dan luar bandar

Aspek	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Peningkatan pencapaian akademik pelajar lebih baik daripada pelajar luar bandar	27.3 % (3)	-	72.7 % (8)

ii. Pendapat pelajar PUM bandar dan luar bandar tentang pencapaian akademik mereka

Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 45 % (27) pelajar bandar dan 43.4% pelajar luar bandar tidak pasti sama ada pencapaian akademik mereka telah meningkat selepas mereka menyertai PUM. dan 38.3 % pelajar bandar dan 40 % pelajar luar bandar bersetuju dengan kenyataan yang pencapaian akademik mereka telah meningkat setelah menyertai PUM.

Jadual 4.40

Taburan pendapat pelajar bandar dan luar bandar tentang pencapaian akademik mereka selepas menyertai PUM

Pencapaian akademik semakin meningkat selepas menyertai PUM	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Pelajar Bandar	16.7 % (10)	45.0 % (27)	38.3 % (23)
Pelajar Luar Bandar	16.7 % (10)	43.4 % (26)	40.0 % (24)

iii. Perbandingan pencapaian akademik pelajar PUM bandar dan pelajar PUM luar bandar pada semester 1 dan semester 2

Bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang tahap peningkatan pencapaian akademik pelajar PUM bandar dan pelajar PUM luar bandar, pengkaji telah membandingkan keputusan PNG semester 1 dan semester 2 bagi kedua-dua kumpulan pelajar tersebut. Kaedah yang sama seperti perbandingan antara pencapaian keseluruhan pelajar dalam semester 1 dan semester 2 di atas telah digunakan. Jadual 4.41, 4.42, 4.43 dan 4.44 di bawah menunjukkan peningkatan pencapaian bagi pelajar PUM bandar dan luar bandar pada semester 1 dan semester 2.

jadual 4.41

Jadual taburan pencapaian akademik pelajar PUM luar bandar dalam peperiksaan semester 1

Semester 1			
PNG	Bil (f)	Titik Tengah	Jumlah f X
0.01 - 2.0	5	1.0	5.0
2.01 - 2.50	10	2.25	22.5
2.51 - 3.00	22	2.75	60.5
3.01 - 3.50	17	3.25	55.25
3.51 - 4.0	6	3.75	22.5
Jumlah	n = 60		165.75

Jadual 4.42

Taburan pencapaian akademik pelajar PUM luar Bandar pada peperiksaan semester 2

Semester 2			
PNG	Bil (f)	Titik Tengah (X)	Jumlah f X
0.01 - 2.0	0	1.0	0
2.01 - 2.50	22	2.25	49.5
2.51 - 3.00	15	2.75	41.25
3.01 - 3.50	16	3.25	52.0
3.51 - 4.0	7	3.75	26.25
Jumlah	n = 60		169.0

Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa pencapaian akademik pelajar PUM luar bandar telah meningkat dalam tempoh mereka menyertai PUM.

Jadual 4.43

Jadual taburan pencapaian akademik pelajar PUM bandar dalam peperiksaan semester 1

Semester 1			
PNG	Bil (f)	Titik Tengah (X)	Jumlah f X
0.01 - 2.0	1	1.0	1.0
2.01 - 2.5	7	2.25	15.75
2.51 - 3.0	27	2.75	74.25
3.01 - 3.5	20	3.25	65.0
3.51 - 4.0	5	3.75	18.75
	n = 60		174.75

Jadual 4.44

Jadual taburan pencapaian akademik pelajar PUM bandar dalam peperiksaan semester 2

Semester 2			
PNG	Bil (f)	Titik Tengah (X)	Jumlah f X
0.01 - 2.0	1	1.0	1.0
2.01 - 2.5	4	2.25	9.0
2.51 - 3.0	19	2.75	52.25
3.01 - 3.5	28	3.25	91.0
3.51 - 4.0	8	3.75	30.0
	n = 60		183.25

Berdasarkan jadual 4.41, 4.42, 4.43 dan 4.44 didapati bahawa kedua-dua kumpulan pelajar PUM bandar dan luar bandar telah mengalami peningkatan dalam pencapaian akademiknya. Namun demikian secara relatifnya peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar PUM luar bandar adalah lebih rendah (0.0541) berbanding dengan peningkatan pencapaian pelajar PUM bandar (0.1415). Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pencapaian akademik pelajar PUM bandar adalah lebih tinggi (+ 0.086) berbanding dengan peningkatan pencapaian akademik pelajar PUM luar bandar berdasarkan hasil pengiraan pencapaian di atas (kaedah pengiraan sila rujuk lampiran I, II, III, IV dan V).

4.2.5 Soalan kajian kelima ialah sejauh manakah GPP menghadapi masalah dalam mengendalikan PUM di MRSM.

Perbincangan tentang perkara ini akan ditinjau dari empat aspek iaitu

- i. Kemudahan fizikal di MRSM yang berkait dengan pelaksanaan PUM
- ii. Sokongan pihak atasan terhadap aktiviti PUM di MRSM berkenaan.
- iii. Cadangan guru untuk mempertingkatkan prestasi PUM di MRSM
- iv. Cadangan pelajar untuk mempertingkatkan prestasi PUM di MRSM

i. Kemudahan fizikal di MRSM yang berkait dengan pelaksanaan PUM

Dalam membuat tinjauan tentang masalah yang dihadapi oleh GPP dalam melaksanakan PUM, pengkaji cuba meninjau sejauh manakah terdapat kemudahan di MRSM yang dapat membantu pelaksanaan PUM dengan berkesan. Ini ditunjukkan dalam jadual 4.45 di bawah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahan rujukan dan peralatan berkaitan adalah penting untuk melicinkan pelaksanaan PUM dengan

berkesan. Berdasarkan jadual 4.47 di bawah di dapati GPP senang memperoleh bahan rujukan PUM dan peralatan untuk menjalankan PUM di MRSM di mana mereka bertugas. Ini boleh membantu pelaksanaan PUM dengan berkesan.

Jadual 4.45

Taburan keperluan bahan rujukan dan peralatan untuk melaksanakan PUM di MRSM.

Keperluan bahan rujukan dan peralatan PUM Yang Ada di MRSM		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju	
		Bil	%	Bil	%	Bi	%
1	Bahan rujukan PUM senang diperolehi di MRSM	0	0	0	0	11	100.0
2	Peralatan untuk melaksanakan PUM senang diperolehi di MRSM	2	8.2	0	0	9	81.8

Berdasarkan jadual 4.46 di atas, didapati bahawa 100.0 (11) GPP bersetuju bahawa terdapat bahan rujukan yang berkaitan dengan pelaksanaan PUM di MRSMnya. Manakala dari segi tersedianya peralatan untuk melaksanakan PUM di MRSM, sebanyak 18.2% (2) guru tidak setuju yang wujudnya peralatan untuk melaksanakan PUM di MRSMnya dan 81.8 % (9) guru bersetuju bahawa terdapat peralatan untuk melaksanakan PUM di MRSMnya. Jadi secara keseluruhannya memang terdapat bahan rujukan dan peralatan berkait dengan pelaksanaan PUM di MRSM.

ii. Sokongan pihak atasan dalam melaksanakan PUM di MRSM.

Sokongan pihak atasan adalah penting dalam melicinkan pelaksanaan PUM di MRSM. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan pengkaji mendapati bahawa pelaksanaan PUM di MRSM telah mendapat sokongan baik pihak pentadbir MRSM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya 9.1% (1) GPP tidak pasti yang pihak

pentadbir telah memberi sokongan kepada pelaksanaan PUM dan 90.9 % (10) guru lagi bersetuju bahawa pelaksanaan PUM di MRSMya adalah mendapat sokongan penuh pentadbirnya. Oleh itu secara umumnya pihak pentadbir MRSMya telah memberi sokongan yang baik terhadap pelaksanaan PUM di MRSMya. Sokongan padu pentadbir MRSMya ini akan menjadikan pelaksanaan PUM dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ini ditunjukkan oleh jadual 4.46 di bawah. Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dari segi sokongan pentadbiran MRSMya, tidak ada kesan terhadap keberkesanan pelaksanaan PUM malah pihak MRSMya telah memberi sokongan yang padu dalam menjayakan PUM.

Jadual 4.46

Jadual taburan sokongan pentadbir MRSMya kepada guru pembimbing PUM dalam melaksanakan PUM.

Sokongan pentadbiran MRSMya kepada guru pembimbing PUM di MRSMya dalam melaksanakan aktiviti PUM	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
	0	0	1	9.1	10	91.0

iii. Cadangan guru pembimbing PUM untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSMya.

Pada umumnya, pihak yang terlibat secara langsung dengan sesuatu program adalah lebih arif mengenai kekuatan dan kelemahan program tersebut. Begitu juga dengan PUM di mana GPP adalah lebih mengetahui apa kelemahan yang sepatutnya diberi perhatian untuk diperbaiki agar pelaksanaan PUM menjadi lebih licin dan berkesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa GPP telah memberi beberapa cadangan yang membina bagi memperbaiki tahap keberkesanan pelaksanaan PUM. Cadangan tersebut adalah seperti berikut

a. Mengemaskini Pentadbiran

Bagi memastikan PUM tidak menghadapi masalah kekurangan GPP maka pihak MRSM perlu melatih lebih ramai lagi GPP pada masa akan datang. Ini boleh dilakukan dalam bentuk kursus dalaman, bergabung dengan MRSM yang lain dan menjemput pakar berkenaan untuk memberi kursus berkenaan.. Pendedahan PUM kepada lebih ramai guru dan pelajar perlu dilakukan oleh pentadbir MRSM Ia boleh dilakukan dalam bentuk taklimat atau penerangan tentang PUM . Ini perlu dilakukan sebagai bukti bahawa pihak atasan MRSM memberi sokongan yang padu kepada pelaksanaan PUM di MRSM tersebut. Tanpa berbuat demikian para guru dan pelajar tidak akan memberi perhatian dan seterusnya melibatkan diri dalam PUM.

Pengajaran subjek keusahawanan yang telah diwajibkan kepada semua pelajar tingkatan empat selama ini perlu diperkukuhkan lagi. Ini bertujuan agar minat pelajar untuk menyertai PUM lebih tinggi lagi berbanding dengan keadaan sekarang. Rangsangan dari subjek keusahawanan tersebut boleh menjadi satu platform agar pelajar meminati untuk menyertai aktiviti PUM.

Kejayaan sesuatu program biasanya dikaitkan dengan pemantauan terhadap program tersebut. Oleh itu pihak MRSM dan BPM digesa agar mempertingkatkan lagi tahap pemantauan pelaksanaan PUM. Pemantauan dilihat kurang berkesan kerana terdapat MRSM yang sangat berjaya dalam melaksanakan PUM dan pada masa yang sama terdapat MRSM yang PUMnya didapati seperti hidup segan mati tidak mahu.. Pemantauan perlu diikuti pula dengan tindakan susulan untuk memperbaikinya.

b. Membangunkan Guru PUM

Mengubahsuai PUM agar sesuai dengan keadaan semasa dan setempat adalah penting jika ingin melihat ianya dilaksanakan secara berkesan. Dalam hal ini daya kreativiti GPP adalah dituntut untuk mengatasi perkara ini...

Bagi memastikan lebih ramai pelajar yang terlibat dalam PUM setiap MRSM perlu membenarkan lebih banyak syarikat PUM ditubuhkan di sesebuah MRSM. Apabila terdapat banyak syarikat PUM di sesebuah MRSM, pihak maktab berkenaan boleh menganjurkan berbagai pertandingan yang boleh menyemarakkan lagi aktiviti PUM di MRSM tersebut. Pertandingan tersebut boleh di jalankan dalam berbagai bentuk daripada pertandingan pengurus syarikat PUM terbaik sehinggalah kepada syarikat PUM terbaik..

Bagi memastikan semua ahli dalam sesebuah syarikat PUM mendapat peluang yang luas dan aktif dalam syarikat PUMnya maka bilangan ahli dalam setiap buah syarikat PUM perlu dikecilkan bilangannya. Pada masa ini setiap syarikat PUM ditetapkan bilangan ahlinya tidak melebihi dua puluh lima orang. Walau bagaimanapun bilangan ahlinya jangan terlalu kecil sehingga menjejaskan syarikat PUM tersebut untuk mengumpul modal bagi menjalankan aktivitinya. Bilangan yang boleh dikecilkan adalah kira-kira lima belas orang bagi sesebuah syarikat PUM untuk mengimbangi kedua-dua perkara yang disebutkan di atas tadi

iv. Cadangan pelajar untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM

Setelah meneliti semua komen dan cadangan pelajar, pengkaji telah dapat merumuskan komen dan cadangan mereka kepada empat aspek utama iaitu program,

guru, pelajar dan pentadbir. Keempat-empat perkara ini perlu diambil perhatian dan tindakan segera oleh pihak berkenaan jika ingin mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM.

a. Program

Kemahiran dalam sesuatu perkara biasanya dikaitkan dengan kekerapan menjalani latihan dalam perkara tersebut. Begitu juga dengan aktiviti PUM di MRSM. PUM dilaksanakan dalam tempoh yang agak singkat iaitu lebih kurang satu semester dengan kekerapan sekali pertemuan seminggu. Tempoh ini tidak memadai untuk para pelajar memahami, melaksana dan menguasai apa yang hendak dicapai melalui PUM. Oleh itu memanjangkan tempoh aktiviti PUM bermula daripada mereka mendaftar sebagai pelajar MRSM sehingga tamat pengajian mereka di institusi pengajian tersebut adalah merupakan langkah terbaik bagi mengatasinya.

Ketahaman tentang sesuatu perkara akan menjadi aset kepada sesuatu pihak untuk menjayakan sesuatu aktiviti berkaitan. Begitu juga dengan PUM. Sebelum PUM dimulakan, semua pelajar akan diberi penerangan oleh GPP tentang perkara yang bakal dilakukan oleh para pelajar PUM. Namun demikian, berdasarkan respon dalam soal selidik, pengkaji mendapati penerangan secara mendalam tentang PUM ini tidak dilakukan atau pun dilakukan pada tahap minima. Ini menyebabkan ramai responden yang menyatakan mereka kurang memahami PUM dan tujuan pelaksanaannya. Sebagai penyelesaian kepada masalah ini pihak GPP mesti memberi taklimat secukupnya kepada para pelajar sebelum PUM dimulakan.

Berdasarkan jawapan responden juga pengkaji mendapati bahawa pihak MRSM tidak menetapkan masa khusus untuk menjalankan aktiviti PUM. Ini akan

menyulitkan pelajar untuk menjadualkan aktiviti harian mereka. Kesannya aktiviti PUM tidak dapat dijalankan kerana masa PUM hendak dijalankan mereka ada aktiviti lain yang juga penting bagi mereka. Jika perkara ini tidak diatasi maka pelaksanaan PUM akan kurang berkesan di MRSM. Peranan menjadualkan PUM ini boleh dilakukan oleh pihak pentadbir MRSM berkenaan.

Dalam melaksanakan aktiviti PUM, para pelajar menghadapi masalah untuk keluar masuk ke MRSM kerana terikat dengan peraturan sekolah berasrama penuh. Bagi melaksanakan aktiviti jualan misalnya, mereka perlu keluar mencari bahan mentah dan seterusnya memasarkan produk mereka. Tanpa kelonggaran daripada pihak pentadbir dalam perkara ini, pelaksanaan PUM menjadi kurang berkesan. Misalnya untuk mendapatkan bekalan bahan mentah basah mereka perlu keluar dari MRSM semasa aktiviti PUM hendak dijalankan kerana mereka tidak ada peti sejuk untuk menyimpan bahan mentah mereka sebelum diproses. Begitu juga semasa hendak memasarkan produk mereka, peluang untuk mereka membuat jualan produk akan menjadi lebih luas kerana tidak tertumpu kepada pelanggan dalam kawasan asrama mereka yang terhad bilangannya.

Motivasi berterusan memainkan peranan penting dalam mengekalkan seseorang individu pada prestasi tinggi dalam sesuatu perkara. Begitu juga dalam hal pendidikan keusahawanan. Oleh itu ceramah motivasi oleh usahawan berjaya perlu diadakan seberapa kerap yang boleh kepada para pelajar PUM bagi memastikan mereka sentiasa mendapat suntikan semangat untuk terus menjalankan aktiviti PUM. Jika perkara ini dapat dilakukan kita percaya pelaksanaan PUM akan menjadi lebih berkesan.

Aktiviti yang boleh menjana minda pelajar adalah sesuai dijalankan kerana para pelajar MRSM terdiri dari kalangan pelajar pintar. Jika aktiviti sedemikian dapat dilaksanakan dijangka pelajar akan menjadi lebih kreatif dan lebih inovatif. Ini memerlukan guru pembimbing yang mampu memikirkan aktiviti yang sedemikian, Sekiranya ini berlaku, pelaksanaan PUM akan menjadi lebih berkesan.

b. Guru Pembimbing

Guru pembimbing adalah orang yang paling penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan PUM. Mereka akan menjadi 'role model' kepada pelajar yang dibimbingnya. Jika GPP dapat menampilkan imej yang positif dikaca mata pelajar bimbingan mereka maka pelajar bimbingannya akan menjadikan guru tersebut sumber inspirasi mereka dan seterusnya melaksanakan PUM dengan sepenuh hati dan akan menjadikan PUM berkesan. Antara tindakan yang boleh mereka lakukan ialah menunjukkan sahsiah yang baik, turun padang semasa pelajar melaksanakan aktiviti mereka dan sentiasa memberi dorongan kepada pelajar bimbingannya untuk terus menjalankan aktiviti PUM walau pun kadang kala menemui masalah kegagalan seperti perniagaan rugi, tidak mendapat kerjasama ahli syarikat dan sebagainya.

c. Pelajar

Pemilihan pelajar yang berminat terhadap PUM dianggap oleh pelajar menjadi faktor penting kejayaan PUM. Oleh itu bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan PUM adalah dicadangkan hanya mereka yang betul berminat sahaja diterima untuk menyertai PUM. Maka satu temubual untuk memilih pelajar yang sesuai dengan objektif pelaksanaan PUM perlu dilakukan. Di samping itu semangat

kerjasama dikalangan ahli PUM adalah penting jika PUM hendak dilaksanakan dengan berkesan. Kerjasama tersebut bukan terhad kepada pelajar Melayu sahaja malahan termasuk kaum lain yang menjadi ahli Syarikat PUM berkenaan. Oleh itu semangat kerjasama antara ahli PUM perlu dipupuk sebaik mungkin oleh GPP kepada para pelajar PUM bimbingannya.

d. Pentadbir

Pihak pentadbir MRSM pula perlu menyediakan tempat khusus untuk aktiviti PUM. Antaranya ialah bilik PUM, dataran usahawan, peralatan yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti PUM, kemudahan perhubungan dengan pihak luar oleh ahli PUM, papan iklan dan sebagainya yang mana para pelajar tidak dapat menyediakan sendiri kerana sekatan peraturan mereka sebagai pelajar atau pun jika mereka menyediakan sendiri akan mencatitkan pemandangan di MRSM berkenaan. . Seterusnya pihak pentadbir perlu membuat perancangan yang teratur tentang pelaksanaan aktiviti kokurikulum agar PUM tidak terpinggir. Misalnya dengan memberi kelonggaran peraturan asrama yang munasabah agar dapat mengimbangi keperluan penguatkuasaan peraturan MRSM dan keinginan kepada kejayaan PUM di maktabnya. Sokongan moral yang berterusan dan insentif tertentu perlu diberi oleh pihak pentadbir kepada PUM Seterusnya pelajar diberi kebenaran membina laman web sendiri dengan tujuan untuk menyebarkan maklumat PUM di sesebuah MRSM.